قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"DAN juga mereka diredai Allah itu ialah apabila membelanjakan hartanya tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu".**
**- Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Furqan, ayat 67.**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 5.07 | SUBUH 5.17 | SYURUK 6.36 | DUHA 6.59 | ZUHUR 12.36 | ASAR 3.55 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.44
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN **69** BILANGAN **19** | **12 FEBRUARI 2024 / 1445 شعبان 2** | **JABATAN PENERANGAN** | **EDISI ISNIN PERCUMA**

*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN REPUBLIK ISLAM IRAN





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Dr. Seyyed Ebrahim Raisi.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 11 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Dr. Seyyed Ebrahim Raisi dan kerajaan serta rakyat Republik Islam Iran bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Islam Iran.

# 15 pelukis NBD pamer hasil seni di UMS

**Siaran Akhbar : Creative Space Art Gallery & Studio**

**SABAH**, Sabtu, 10 Februari. - Lebih daripada 80 buah karya dipamerkan melalui usaha bersama dengan Galeri Azman Hashim dalam memperkenalkan karya seni pelukis Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Sabah, Malaysia menerusi 'Gurisan Subarang'.

Galeri Azman Hashim, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan pameran 'Gurisan Subarang' yang telah berlangsung dari 15 Januari 2024 hingga 8 Mac 2024.

Pameran berkenaan dirasmikan oleh Menteri Sain, Teknologi dan Inovasi Sabah, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Arifin bin Datuk Haji Mohd. Arif, pada Sabtu, 3 Februari 2024.

'Gurisan Subarang' ialah perkataan Brunei yang bermaksud 'goresan dari seberang'.

Selalunya, perkataan harian *subarang* digunakan untuk jiran atau tetangga yang tidak jauh dan dapat dilihat dalam kitaran pemandangan kita. Walaupun ia jauh dari pemandangan, namun ia tetap dekat di hati kita.

*Subarang* pula membawa konotasi jarak dekat atau walaupun jauh tetapi tetap dekat dalam fikiran kita.

**>> Muka 4**

# Sembahyang cegah perbuatan keji, mungkar

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 11 Februari. - Al-Imam Al-Baihaqi meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "*Sembahyang tiang ugama. Sesiapa yang meninggalkannya, dia meruntuhkan agama*".

Sembahyang itu sebagai tiang ugama kerana di dalamnya segala rukun yang lima diulang-ulang sebanyak lima kali sehari semalam. Sembahyang juga mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar, yang bererti, selama mana kita sembahyang, kita di dalam keadaan ketaatan.

Demikian antara pengisian tazkirah yang bertajuk 'Sembahyang Tiang Ugama' yang disampaikan oleh Imam Tingkat 3, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani dari Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kampung Manggis / Madang bagi menyerikan lagi Program Malam Munajat Ke-124.

**>> Muka 3**

# Jadikan membaca Al-Quran amalan harian

**Oleh : Haniza Abdul Latif**

**MENTIRI**, Ahad, 11 Februari. - Bertadarus Al-Quran memang dituntut kepada semua umat Islam, di samping menjadi kewajipan untuk mempelajari dan mengambil iktibar dari yang terkandung dalam kitab Al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan seharian.

**>> Muka 5**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



MAJLIS Rumah Terbuka eratkan hubungan silaturahim

Muka 4



AMBIL hikmah peristiwa agung Israk, Mikraj

Muka 6



660 karton rokok berjaya dirampas

Muka 9




PESAKIT Skoliosis menerima perkhidmatan berkualiti tinggi

Muka 20

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# Praktikal ilmu ugama perlu terus diperkasa



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, pada Khamis, 8 Februari 2024.

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**
**Bismillahir Rahmanir Rahim,**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,**
**Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden,**
**Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen,**
**Sayyidina Muhammaddin,**
**Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,**
**Waba'du**

KITA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita berkumpul lagi bagi meraikan dan memperingati peristiwa agung Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Beta menyambut baik tema sambutan pada tahun ini, iaitu 'Sembahyang Tiang Ugama'. Imam at-Tirmizi dalam kitab Jami'nya meriwayatkan daripada Mu'adz bin Jabal Radhiallahu 'Anhu, bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda maksudnya : "*Asas ugama (Islam) itu ialah (melafazkan dua kalimah syahadat), sementara tiangnya pula ialah sembahyang dan kemuncaknya berjihad (pada jalan Allah)*".

Demikian hebatnya kedudukan sembahyang itu, sehingga diumpamakan sebagai tiang ugama. Sembahyang adalah ibadat paling utama dalam Islam dan yang pertama akan dihisab di akhirat kelak.

Dalam hubungan ini, kita boleh lihat bahawa bangunan tidak akan terbina tanpa tiang. Maka demikian itulah juga dengan Islam tidak akan tegak terbina tanpa sembahyang, selaku tiangnya.

Sesungguhnya barang siapa yang menunaikan sembahyang bererti dia menegakkan ugamanya dan barang siapa yang meninggalkan sembahyang, bererti dia meruntuhkan ugamanya.

Orang-orang yang sentiasa memelihara sembahyang telah dijanjikan oleh Allah akan memperolehi nikmat kebahagiaan dan keuntungan, sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Mu'minun, ayat 9 hingga 11 tafsirnya : "*Dan orang-orang yang tetap memelihara sembahyang, mereka itulah pewaris-pewaris yang akan mewarisi Syurga Firdaus. Mereka kekal di dalamnya*".

Untuk menjadi pewaris-pewaris tersebut, pada hemat beta, pendidikan ugama, mustahaklah sentiasa dititikberatkan. Penekanan secara amali atau praktikal ilmu ugama, seperti cara berwuduk, perbuatan dan bacaan-bacaan dalam sembahyang masih sahaja perlu untuk terus diperkasa, bukan sahaja di peringkat sekolah rendah, malah juga di peringkat yang lebih tinggi. Kerana ibadat sembahyang mempunyai rukun-rukunnya yang perlu dipelajari dan dihalusi, selaku ibadat utama.

Kita sama-sama memahami, bahawa sembahyang itu wajib ditunaikan tanpa mengira keadaan fizikal seseorang, sama ada dia berupaya atau kurang upaya (OKU), sihat ataupun sakit dan seumpamanya, selagi akal masih waras.

Kerana itu, pihak-pihak agensi yang berkenan sangatlah mustahak untuk mengadakan pelbagai program pengukuhan ugama di tempat-tempat yang sesuai termasuk masjid dan seumpamanya.

Beta amat gembira dengan usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama melibatkan pelbagai agensi dan badan-badan persatuan termasuk kalangan belia bagi sama-sama menyemarakkan lagi suasana keilmuan dan peribadatan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat termasuk dalam bangunan-bangunan kementerian atau Jabatan. Beta melihat, satu contoh pengisian yang bagus ialah 'Program Munajat' yang diisikan dengan bacaan surah-surah pilihan, zikir-zikir, doa dan tazkirah, yang sehingga kini masih terus dilaksanakan. Pada hemat beta, program tersebut boleh diperkasakan lagi.

Maka melalui majlis yang penuh berkat ini, beta ingin menekankan supaya pihak-pihak berkenaan akan sama-sama memastikan bahawa program pendidikan adalah benar-benar terarah dan terlaksana dengan sebaik-baiknya tanpa mengabaikan kemudahan pendidikan bagi Orang Kurang Upaya (OKU). InsyaaAllah, dengan cara demikian, bangsa dan negara ini akan beroleh berkat dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## Waktu Sembahyang

| Februari MASIHI | HARI | Syaaban HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 12 | ISNIN | 2 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 13 | SELASA | 3 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 14 | RABU | 4 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 15 | KHAMIS | 5 | 5.07 | 5.17 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 16 | JUMAAT | 6 | 5.07 | 5.17 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 17 | SABTU | 7 | 5.07 | 5.17 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.54 | 6.33 | 7.44 |
| 18 | AHAD | 8 | 5.06 | 5.16 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.54 | 6.34 | 7.44 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## Ramalan Cuaca 3 Hari

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 24 °C | 34 25 °C | 34 25 °C |
| Pekan Tutong | 31 25 °C | 32 25 °C | 33 25 °C |
| Kuala Belait | 31 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab

www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## Sidang Pengarang

12 FEBRUARI 2024

### Ke arah kesejahteraan menuju persaraan

"*SATU usaha lagi yang berkaitan dengan kebajikan rakyat, serta selaras dengan perkembangan tenaga manusia, maka kerajaan beta akan menubuhkan satu skim kumpulan wang simpanan pekerja. Penubuhan skim ini antara lain bertujuan, untuk memberikan kemudahan perlindungan sosial, bagi menampung keperluan 'Hari Tua' rakyat dan penduduk negara ini, sama ada mereka yang berkhidmat di sektor awam ataupun sektor swasta...*" - Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Julai 1991 di Balai Singgahsana Istana Nurul Iman.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia jelas menunjukkan keprihatinan serta sifat pemedulian baginda terhadap seluruh rakyat baginda. Daripada pembangunan negara hinggalah kesejahteraan rakyat sangat diutamakan oleh baginda dan salah satunya ialah penubuhan Tabung Amanah Pekerja (TAP) yang kini telah pun menyambut penubuhannya yang ke-31 tahun pada 7 Februari yang lepas.

TAP diperkenalkan kepada semua kakitangan sektor kerajaan pada 1 Januari 1993 yang bertujuan untuk memenuhi keperluan rakyat dan penduduk negara ini dengan mengadakan simpanan mandatori untuk kegunaan di hari tua nanti. Pada 1 Januari 1994, Skim TAP telah dilaratkan ke sektor swasta.

Pada 15 Julai 2023, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan bagi pelaksanaan Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) pada 15 Julai 2023, untuk menggantikan TAP dan Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP) untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Dalam menangani sebarang kemungkinan yang tidak dijangka, Ahli SPK perlu mengetahui keadaan dan keperluan kewangan mereka pada usia tua serta bersedia sebelum menghadapi persaraan. Justeru mereka perlu bersiap sedia dan membelanjakan wang dengan lebih bijak. Disarankan mereka mempunyai strategi untuk menampung perbelanjaan agar kesejahteraan mereka pada usia emas akan terjamin.

SPK ini sedikit sebanyak dapat membantu ahli berdepan dengan sebarang kemungkinan ketika sudah bersara. Kita sudah melihat banyak contoh yang menyedihkan apabila seseorang itu berhadapan dengan masalah kewangan yang teruk lebih-lebih lagi bagi mereka yang sudah bersara dan tidak mempunyai pendapatan lain. Jadikanlah sebagai iktibar agar kita tidak akan mengalami hal yang serupa.

Orang ramai terutamanya bagi mereka yang baru akan berkhidmat untuk memulakan langkah awal dengan mempunyai simpanan agar apabila tiba menempuh waktu persaraan mereka akan mempunyai simpanan yang cukup untuk hari tua kerana pada usia emas lebih banyak perbelanjaan diperlukan terutama penjagaan kesihatan. Beringat-ingatlah kerana kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa depan. Tidak rugi kita bertindak awal agar kesejahteraan kita terjamin dan tidak membebankan ahli keluarga kita.

**- Ketua Penyuntingan (Ri)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# SEMBAHYANG CEGAH PERBUATAN KEJI, MUNGKAR

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**>> Muka 1**

Program Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi untuk minggu ini dengan mengundang tetamu khas, Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kampung Manggis / Madang, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dari masjid berkenaan.

Juga hadir pada Program Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut mengimarahkan acara Malam Munajat yang diadakan baru-baru ini ialah ahli-ahli jawatankuasa takmir masjid serta jemaah dari Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kampung Manggis / Madang; Masjid Kampung Penanjong, Tutong dan Masjid Kampung Belais, Temburong serta beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat dari seluruh negara berjumlah 67 buah.

Program Malam Munajat Ke-124 itu turut dihadiri oleh warga-warga kerja di bawah KHEU bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Ad-Dukhan beramai-ramai dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Penanjong, Tutong, Awang Dilla Aiyad Kasyidi bin Ahmadi. Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pemantau Masjid-masjid Zon 3, Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohd. Amin bin Haji Salim.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku tetamu khas pada Program Malam Munajat Ke-124. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sejurus selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Asma'ul Husna dipimpin oleh Imam Tingkat IV, Awang Mohd. Safwan bin Zolkipli bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah Masjid Kampung Belais, Temburong.

Bagi mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Nuzli bin Haji Jumat.

Program Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, meminta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheu* atau *https://www.facebook.com/pdi.kheu*.

# Bina komuniti masa depan bersama

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**





TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam; Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS semasa hadir pada Majlis Perasmian China Day & Spring Festival Open House of Chinese Embassy yang berlangsung di Chung Hwa Middle School (kiri). Manakala gambar kanan, antara reruai (booth) yang mempamerkan budaya Cina.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 11 Februari. – Republik Rakyat Cina dan Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan jiran di seberang laut, sahabat yang boleh dipercayai dan rakan pembangunan bersama, dengan kepercayaan politik tahap tinggi, kerjasama praktikal berkualiti tinggi, dan persahabatan yang kekal.

Pada November tahun lepas di San Francisco, kedua-dua ketua negara mengadakan pertemuan dua hala kali ke-2 dalam tempoh satu tahun dan mencapai konsensus penting, dan pada 2023, perdagangan dua hala mencapai nilai USD2.81 bilion.

Perkara berkenaan antara yang dijelaskan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo semasa Majlis Perasmian China Day & Spring Festival Open House of Chinese Embassy yang berlangsung di Chung Hwa Middle School.

Projek Belt and Road seperti industri Hengyi dan Pelabuhan Muara tambah Tuan Yang Terutama, memberikan lebih banyak daya ke dalam kepelbagaian ekonomi NBD, eksport produk pertanian dan perikanan NBD ke China mengambil langkah baharu ke hadapan, yang semuanya memberi manfaat yang nyata kepada kedua-dua negara dan rakyat.

Menurut TYT lagi, tahun 2024 mempunyai kepentingan khusus, kerana ia menandakan Sambutan Ulang Tahun Ke-75 Penubuhan Republik Rakyat China serta Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40.

TYT percaya, dengan perkembangan persahabatan dan kerjasama dua hala, terutamanya kerjasama Belt and Road, pembinaan komuniti dengan masa depan bersama untuk Republik Rakyat China dan NBD serta negara-negara lain akan mempunyai landasan yang lebih kukuh dan kedua-dua negara akan menikmati masa depan yang lebih cerah lagi.

Antara yang hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

Kemudian, majlis diteruskan lagi dengan ucapan daripada Presiden Persatuan Persahabatan Brunei-China, Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Rahman; dan ucapan daripada Presiden Persatuan Perusahaan Cina di NBD.

Pelbagai acara kebudayaan dipersembahkan, termasuk persembahan seni bela diri, tarian dan lagu tradisi Cina, di samping itu terdapat juga reruai (*booth*) yang mempamerkan kebudayaan, masakan dan perusahaan-perusahaan Cina.

China Day merupakan program utama Kedutaan Besar Republik Rakyat China ke NBD yang diadakan dua kali dan berfungsi sebagai platform yang baik yang mendapat sambutan hangat daripada rakyat NBD untuk mengenal China.

Tahun ini buat pertama kalinya, China Day diadakan bersama dengan perayaan musim bunga, yang menyajikan tidak hanya budaya Cina tradisional tetapi juga pameran perusahaan-perusahaan Cina.

China Day dihasrat akan memberi peluang kepada masyarakat di negara ini untuk mengalami budaya Cina secara lebih dekat dan mempromosikan pertukaran persahabatan antara kedua-dua negara.

# MAJLIS RUMAH TERBUKA ERATKAN HUBUNGAN SILATURAHIM



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara bergambar ramai semasa berkunjung ke Majlis Rumah Terbuka masyarakat Tionghua di Kampung Sengkarai.

**Berita dan Foto :**
**Ihsan Ajees Hamdan**

**TUTONG**, Ahad, 11 Februari. – Sambutan Tahun Baharu Cina Tahun 2024 memberi peluang kepada masyarakat Tionghua dan juga masyarakat setempat mengeratkan dan memperkukuh lagi hubungan silaturahim dengan mengadakan Majlis Rumah Terbuka.

Pada hari ini, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, yang juga Ketua Kampung Sengkarai telah pun berkunjung ke rumah terbuka masyarakat Tionghua di Kampung Sengkarai.

Menurut Yang Berhormat, mengadakan Majlis Rumah Terbuka seperti berkenaan dapat menunjukkan bahawa kita sebagai bangsa Melayu tidak salah berkunjung dan menziarahi teman-teman walaupun berbeza agama.

"Ini menampakkan hubungan yang begitu erat bukan sahaja masyarakat Tionghua namun masyarakat lain.

"Inilah peluang saya berkunjung ke rumah terbuka anak buah kampung berbangsa Cina dan ia akan dilaratkan di acara lain (bangsa lain) seperti Hari Raya, Adau Gayoh, Hari Gawai dan sebagainya," ujar Yang Berhormat.






# 15 pelukis NBD pamer hasil seni di UMS



PENGARAH Urusan Creative Space, Penyelaras Pameran 'Gurisan Subarang', Haji Osman Haji Mohammad semasa berucap.

>> Muka 1

'Gurisan Subarang' yang diadakan di Galeri Azman Hashim berkenaan mempamerkan karya-karya seni yang pelbagai teknik goresan ekspresif daripada para pelukis dalam hasrat mereka untuk menyampaikan ide atau gagasan mereka kepada umum.

Melalui pencetusan nilai indah dalam karya seni mereka, para pelukis menceritakan pengalaman mengenai dunia yang dilalui menerusi goresan dan lakaran seni mereka.

Secara sedar atau tidak, setiap karya mempunyai cerita tersendiri dan melalui proses pemikiran dan teknik yang pelbagai ragam.

Goresan ekspresif dan wawasan yang ditebarkan ke atas permukaan kanvas atau media seumpamanya merupakan koleksi daripada 15 pelukis dari Negara Brunei Darussalam (NBD).

Para pelukis berkenaan adalah terdiri daripada pelukis yang sudah lama dikenali di NBD dan sering mempamerkan karya mereka di NBD dan luar negeri.

15 pelukis berkenaan ialah Dato Haini Hashim, Dato Sofry Ghafor, Pengiran Timbang, Pengiran Roslan, Pengiran Wahab Hassan, Pengiran Khamarul Zaman, Dr. Zakaria Hamid, Zakaria Omar, Adi Zain, Awang bin Sitai, Kassim Ismail, Malek Metarsat, Osman Mohammad, Haji Padzil Ahmad dan Haji Dayang.

Pameran berkenaan diharap menjadi sebagai perintis dan tempat seniman NBD dan Sabah bertukar pameran dan fikiran.

**Siaran Akhbar : Creative Space Art Gallery & Studio**
**Foto : Ihsan Mohamad Nasihin Haji Mohd. Isa**





GALERI Azman Hashim, Universiti Malaysia Sabah (UMS) semasa mengadakan Pameran 'Gurisan Subarang' yang telah berlangsung dari 15 Januari 2024 hingga 8 Mac 2024 (atas), manakala kiri, antara pelukis yang hadir pada majlis berkenaan.

# JADIKAN MEMBACA AL-QURAN AMALAN HARIAN



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri

>> Muka 1

Jemaah Subuh Tadarus Al-Quran Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi menzahirkan rasa syukur selepas melengkapkan bacaan 30 juzuk.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan disusuli dengan bacaan surah-surah ayat lazim bermula dari Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas yang dipimpin oleh Awang Haji Annuar bin Penghulu Haji Ibrahim.

Bacaan Takhtim dan seterusnya Doa Khatam serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dipimpin oleh Awang Haji Shamsul bin Haji Abd. Latif.

Para jemaah telah mengadakan ibadah bertadarus setiap hari selepas sembahyang menunaikan Fardu Subuh yang juga dihasratkan untuk mengimarahkan lagi masjid berkenaan.

Majlis yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri berkenaan merupakan Majlis Khatam Al-Quran Kali Pertama bagi Tahun 2024.



JEMAAH Subuh Tadarus Al-Quran Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi menzahirkan rasa syukur selepas melengkapkan bacaan 30 juzuk (atas dan atas kanan).

# Hayati peristiwa agung Israk, Mikraj

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

**SINAUT**, Sabtu, 10 Februari. - Bulan Rejab merupakan bulan yang terdapat di dalamnya satu peristiwa agung dan bersejarah iaitu peristiwa Israk dan Mikraj. Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan satu tanda kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala yang diperlihatkan kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sesungguhnya peristiwa ini mempunyai makna yang mendalam dan maksud yang luas serta memberikan tauladan kepada kita semua umat Islam. Adalah lebih penting untuk kita menghayati pengajaran di sebalik peristiwa Israk dan Mikraj bagi mencontohi perkara yang baik dan menjauhi perkara yang tidak baik.

Peristiwa Israk dan Mikraj memperlihatkan pelbagai kejadian aneh yang penuh dengan pengajaran seharusnya memberi keinsafan kepada kita agar sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan takut kepada kekuasaan-Nya.

Seandainya peristiwa dalam Israk dan Mikraj berkenaan dipelajari dan dihayati benar-benar kemungkinan manusia mampu mengelakkan dirinya daripada melakukan pelbagai kejahatan. Peristiwa Israk dan Mikraj itu merupakan ujian dan mukjizat yang membuktikan kudrat atau kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Mukjizat Israk dan Mikraj serta peristiwa-peristiwa kebesaran Islam yang disambut pada setiap tahun adalah sebagai meningkatkan kecintaan kita terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Peristiwa itu juga merupakan satu peristiwa yang agung serta perjalanan Israk Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidilharam ke Masjidil Aqsa serta peristiwa Mikraj Baginda ke langit juga telah dipermudahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, yang mana kedua-dua peristiwa itu berlaku dalam masa yang singkat.

Dalam temu bual bersama Bilal Masjid Sinaut Tutong, Awang Haji Jafni Fadhlilah bin Haji Jabidi, baru-baru ini, mengenai dengan menghayati pengajaran Israk dan Mikraj beliau menjelaskan bahawa mukjizat Israk dan Mikraj mampu mengukuhkan keimanan seorang hamba kepada tuhannya dengan mengimani peristiwa tersebut agar kita lebih bersemangat untuk meningkatkan kualiti ibadah seharian terutama sembahyang.

Katanya, Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberikan kisah-kisah yang mencarik adat untuk menarik perhatian manusia melihat, berfikir dan meneliti peristiwa yang terkandung di dalamnya.

"Peristiwa Israk dan Mikraj ini bukan sahaja satu cerita ataupun sejarah yang hanya dibaca dan didengar malah ia adalah untuk kita ambil iktibar dan teladan daripadanya agar jiwa umat Islam semakin mantap dan akan dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah," jelasnya.



BILAL Masjid Sinaut Tutong, Awang Haji Jafni Fadhlilah bin Haji Jabidi.



# AMBIL HIKMAH PERISTIWA AGUNG ISRAK, MIKRAJ

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Februari. - Peristiwa Israk dan Mikraj adalah antara mukjizat terbesar Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selepas Al-Quran, bilamana peristiwa agung ini merupakan gabungan dua peristiwa yang berlainan yang terjadi dalam satu malam.

Selaras dengan tema Majlis Sambutan Israk dan Mikraj tahun ini iaitu 'Sembahyang Tiang Ugama', pada Khutbah Jumaat baru-baru ini turut mengetengahkan mengenai peristiwa Israk dan Mikraj iaitu ketika Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah mendapat perintah langsung daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk menunaikan sembahyang fardu lima waktu sehari semalam.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Adh-Dhariyat, ayat 56 : Tafsirnya : "*Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah Aku*".

Ayat ini sangat besar rahsianya dan amat jauh pengertiannya, kita sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala diperintahkan untuk menyembah-Nya (menunaikan solat) tidak kira walau sesibuk mana pun kehidupan kita, sembahyang tetap wajib dipelihara dengan bersungguh-sungguh dan bukan dengan sambil lewa.

Sembahyang merupakan kewajipan dan terkandung di dalamnya banyak kelebihan dan hikmah yang sangat besar, dan antara hikmah di sebalik mendirikan sembahyang itu antaranya adalah dapat mendisiplinkan diri.

Jika kita menjaga dan menekuni setiap syarat dan rukun yang telah ditetapkan, pastinya menjadi suatu latihan untuk membentuk disiplin diri, yang mana antara disiplin diri sebelum mendirikan sembahyang itu ialah dengan menjaga kebersihan, kita mestilah dalam keadaan yang terbaik untuk bertemu dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Hikmah kedua ialah menghapuskan dosa lama, sembahyang lima waktu yang diwajibkan sehari semalam ke atas kita adalah nikmat yang sangat besar, ini kerana ibadah sembahyang dapat menghapuskan dosa-dosa yang telah kita lakukan.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "*Sembahyang lima waktu dan dari Jumaat ke Jumaat berikutnya dan dari Ramadan ke Ramadan berikutnya merupakan penghapus dosa-dosa yang dilakukan di antara keduanya apabila dosa-dosa besar dijauhi*". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menyifatkan sembahyang fardu ini seperti mandi lima kali sehari, dan begitulah juga rahmat dan pengampunan Allah Subhanahu Wata'ala yang amat luas dan tiada penghujungnya.

Ketiga ialah meningkatkan rasa kehambaan dalam diri, bilamana dengan mengerjakan sembahyang akan mengingatkan manusia kepada dirinya sebenar iaitu hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



**KHUTBAH Jumaat turut mengetengahkan mengenai peristiwa Israk dan Mikraj iaitu ketika Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah mendapat perintah langsung daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk menunaikan sembahyang fardu lima waktu sehari semalam.**

Dengan mendirikan sembahyang juga, manusia akan sentiasa ingat akan kedudukannya, apabila seseorang itu terlupa hakikat tersebut disebabkan kesibukan duniawi dan hubungannya dengan orang lain, maka dengan datangnya waktu sembahyang itu akan memperbaharui ingatannya bahawa dia adalah hamba yang dimiliki oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, jiwa manusia juga akan merasakan bahawa tidak ada yang memberi bantuan dan nikmat yang sebenarnya melainkan Allah Azza Wajalla.

Sekalipun kita melihat di dunia ini pada zahirnya terdapat sebab-sebab yang membantu dan memberikan nikmat, tetapi pada hakikatnya hanya Allah Subhanahu Wata'ala sahaja yang dapat mempermudahkan sebab-sebab tersebut kepada kita.

Apabila manusia lalai lalu mendatangi sembahyang, sembahyang itu akan mengingatkan mereka bahawa yang menjadi penyebab kepada sesuatu itu ialah Allah yang Maha Esa, yang memberi bantuan dan nikmat, Tuhan yang memberi kesan mudarat dan manfaat serta yang menghidupkan dan mematikan.

Sesungguhnya tiada satu ibadah pun yang dapat menandingi keistimewaan dan keutamaan sembahyang.

Allah Subhanahu Wata'ala memberikan satu anugerah teragung buat Junjungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan umat Baginda seluruhnya kerana ianya merupakan cara terbaik untuk kita berkomunikasi dan mendekatkan diri dengan Allah Subhanahu Wata'ala dalam bentuk lima waktu sembahyang fardu secara konsisten sehari semalam.

Sembahyang juga sebagai cara untuk ber*taqarrub* kepada Allah Subhanahu Wata'ala sehingga disebut oleh ulama bahawa sembahyang itu Mikraj bagi orang-orang yang beriman.

Sebagaimana disebutkan dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, Tafsirnya : "*Bacalah (Wahai Nabi Muhammad) apa yang diwahyukan kepadamu daripada Al-Quran dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (manfaat dan kesannya) dan Allah Mengetahui apa yang kamu perbuat*".

Maka hendaklah kita sentiasa bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya, kerana sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa.

Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.






# JANGAN MUDAH TERPERDAYA DENGAN 'SCAMMER'

Berita dan Foto: Aimi Sani




**BERWASPADA dengan ancaman *scammer* atau penipu bagi mengelakkan kerugian.**

**MENTIRI**, Sabtu, 10 Februari. – Sejak kebelakangan ini, semakin banyak kes penipuan dalam talian berlaku.

Jenayah seumpama berkenaan semakin berleluasa dengan pelbagai taktik penipuan seperti skim cepat kaya, penipuan pembelian barang secara dalam talian, pinjaman kewangan, *lucky draw* yang tidak diketahui kesahihannya dan sebagainya.

Dalam menangani kes penipuan berkenaan, perkara yang paling penting dilakukan adalah sentiasa berwaspada dalam mendedahkan maklumat peribadi terutamanya kepada orang yang tidak dikenali atau mana-mana aplikasi dan juga laman sesawang.

Selain itu, dalam zaman teknologi yang semakin canggih ini, kita juga boleh menggunakan bantuan aplikasi bagi tujuan menapis panggilan yang tidak dikenali dan menyekat talian meragukan bagi mengelakkan diri menjadi mangsa kes penipuan seperti berkenaan.

Kes seperti berkenaan boleh sahaja berlaku kepada sesiapa sahaja tidak kira muda atau tua dan sudah tentu sebagai langkah pencegahan terbaik adalah jangan terleka apabila menerima panggilan atau pesanan ringkas yang diterima antaranya melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS), WhatsApp mahupun Telegram.

Kerugian yang akan dialami boleh mendatangkan masalah kepada individu atau keluarga kerana dikhuatiri akan menjejaskan aspek kewangan, kesihatan, emosi dan mental mangsa.

Sehubungan dengan itu, kita perlu bersama-sama memainkan peranan dalam mengurangkan kes penipuan sindiket haram di Negara Brunei Darussalam.

Jadilah pengguna peranti pintar yang sentiasa berwaspada dengan ancaman *scammer* atau penipu bagi mengelakkan kerugian.

Kita harus peka dengan keadaan semasa dan terus berhati-hati dengan keadaan sekeliling supaya tidak menjadi mangsa.




# Pupuk kemahiran kepimpinan dalam kalangan kanak-kanak

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 Februari. - Dalam dunia hari ini, memupuk rasa atau kemahiran kepimpinan dalam kalangan kanak-kanak memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan mereka.

Ibu bapa dan penjaga adalah panduan utama dalam memupuk kebolehan penting ini agar kemahiran kepimpinan membantu kanak-kanak menjadi individu yang yakin, bertanggungjawab dan boleh menyesuaikan diri.

Memupuk kepimpinan bermakna seseorang individu itu mesti terbiasa mengurus masa, mengukur kebolehannya dan disiplin yang sudah dilatih sejak zaman kanak-kanak lagi.

Ajar kanak-kanak untuk membuat jadual harian dan memenuhinya, contohnya pada menetapkan had jam bagi kanak-kanak bangun pagi, bersiap untuk ke sekolah, bermain, melakukan kerja rumah dan jam untuk tidur.

Memahami kemahiran kepimpinan dalam kanak-kanak adalah penting untuk perkembangan mereka.

Kemahiran kepimpinan mampu mendorong kanak-kanak dalam membimbing, memberi inspirasi, dan bekerja secara efektif dengan orang lain.

Kemahiran ini merangkumi pelbagai jenis, termasuk komunikasi, membuat keputusan, dan kerja berpasukan.

Apabila dipupuk pada kanak-kanak, kemahiran ini boleh membawa kepada faedah jangka panjang.

Kanak-kanak yang mempunyai kemahiran kepimpinan yang kuat cemerlang di sekolah, mempunyai hubungan yang lebih baik dan menjadi orang dewasa yang berjaya.

Mereka lebih cenderung untuk menghadapi cabaran dengan yakin, membuat pilihan yang bertanggungjawab dan memberi kesan positif kepada komuniti mereka.

Keseluruhannya, memupuk kemahiran kepimpinan dalam kalangan kanak-kanak adalah pelaburan yang tidak ternilai untuk masa depan mereka.

Sekali lagi, Ibu bapa dan penjaga memainkan peranan penting dalam membangunkan kualiti penting ini, memperkasakan kanak-kanak untuk menjadi individu yang yakin, bertanggungjawab dan boleh menyesuaikan diri.



**MEMUPUK rasa atau kemahiran kepimpinan dalam kalangan kanak-kanak memainkan peranan penting.**

PELITA BRUNEI

# PERANAN SUKARELAWAN BERI MANFAAT KEPADA MASYARAKAT

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Ihsan Raden Mukriz Raden Imran, Hajah Noor Monasalieena Haji Mohd. Salleh, Jabatan Penerangan**



**PENGASAS Malam Minggu Pusat Belia, Dayang Hajah Noor Monasalieena@Suzie binti Haji Mohd. Salleh.**

**TUTONG**, Sabtu, 10 Februari. – Sukarelawan adalah tindakan sukarelawan secara individu mahupun berpasukan dengan memberikan masa dan tenaga secara sukarela dan selalunya memberikan perkhidmatan bantuan kepada masyarakat.

Adapun antara manfaat yang diperoleh oleh sukarelawan ialah ia dapat membina kemahiran yang baharu seperti kemahiran kepimpinan, penyelesaian masalah, meningkatkan hubungan silaturahim, bekerja secara berkumpulan dan banyak lagi.

Di samping itu, menerusi sukarelawan juga dapat memperoleh pengalaman secara langsung dan mengajar diri mereka untuk sentiasa bersikap proaktif dalam melakukan tugas serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi dengan baik.

Berkaitan dengan itu, Pelita Brunei menemu bual beberapa sukarelawan untuk memberikan pandangan mereka mengapa mereka bergiat aktif dalam aktiviti sukarelawan.

Ahli Majlis Belia Brunei, Awang Raden Mukriz bin Raden Imran menjelaskan, menjadi sukarelawan adalah satu cara untuk memberi sumbangan dan berbakti kepada masyarakat dan negara.

"Secara peribadi, saya berasa senang hati dan puas apabila para sukarelawan dapat memberi sesuatu yang positif kepada masyarakat.

"Mengisi waktu lapang mungkin dikatakan seperti sebuah alasan yang sederhana, tetapi menjadi seorang sukarelawan sebenarnya banyak melakukan kegiatan-kegiatan yang bermanfaat dan ia sangat memuaskan untuk diri dan masyarakat.

"Ini memberi rasa tujuan dan pencapaian yang tidak selalu ditemukan dalam kegiatan sehari-hari," katanya lagi.



**SUKARELAWAN adalah tindakan sukarelawan secara individu mahupun berpasukan dengan memberikan masa dan tenaga secara sukarela dan selalunya memberikan perkhidmatan bantuan kepada masyarakat.**



Di samping itu juga tambahnya, ia dapat membantu mencegah daripada sebarang aktiviti yang tidak berguna untuk diri individu.

Awang Raden Mukriz seterusnya menjelaskan kegiatan sukarelawan boleh meningkatkan kesejahteraan psikologi dan kebajikan buat diri dan masyarakat kerana melakukan kebaikan untuk orang lain dapat meningkatkan kebahagiaan dan mencegah diri daripada gejala-gejala sosial yang tidak diingini.

Seorang lagi sukarelawan wanita yang proaktif dan juga Pengasas Malam Minggu Pusat Belia, Dayang Hajah Noor Monasalieena@Suzie binti Haji Mohd. Salleh menyatakan, melalui penglibatan sukarelawan berkenaan dapat menambah pengalaman dan pengetahuan yang baharu.

"Sukarelawan membuat kita berjumpa dengan banyak orang daripada pelbagai latar belakang dan banyak mempelajari hal lain dan mendapatkan *networking* baharu.

"Secara tidak langsung kita akan memiliki perspektif dan cara berfikir yang luas serta menjadi peribadi yang lebih terbuka," ujarnya.

Menurut beliau lagi, dengan menyertai sukarelawan berkenaan juga dapat meningkatkan kemahiran sosial dan memberi keyakinan dalam berkomunikasi.

"Social Skill adalah suatu keterampilan individu dalam interaksi berkomunikasi dengan orang lain.

"Kemahiran ini penting kerana sangat diperlukan dalam segala aspek kehidupan, akan tetapi kemahiran ini tidak dimiliki oleh semua orang," ujarnya.



**AHLI Majlis Belia Brunei, Awang Raden Mukriz bin Raden Imran.**

Dayang Hajah Noor Monasalieena@Suzie turut menjelaskan, seseorang dengan keterampilan sosial yang kurang baik sering kali sulit beradaptasi dengan lingkungan baharu dan membuat interaksi sosial menjadi buruk.

Dengan mengikuti kegiatan sukarelawan terangnya, perkara berkenaan dapat membantu seseorang meningkatkan keterampilan sosial yang dimiliki seperti menumbuhkan rasa empati diri, simpati, dan kepekaan sosial yang tinggi dalam mencapai matlamat negara.

Di samping itu katanya lagi, menerusi penglibatan sukarelawan berkenaan dapat meningkatkan kesihatan fizikal dan memberi impak yang positif bagi kesihatan mental.

"Menjadi sukarelawan juga dapat membantu kita untuk memiliki kepekaan sosial yang tinggi dan bersikap positif.

"Selain itu, ia juga mampu meningkatkan kemampuan *personal branding*, belajar *multi-tasking* dalam mengerjakan hal-hal yang baharu.

"Dan terakhir sekali, nawaitu dalam memberi impak perubahan kepada negara yang lebih kondusif dan mampan, selain menjadi inspirasi kepada mana-mana belia dan beliawanis di negara ini," ujarnya lagi.

# Tanamkan sifat sabar, bertolak ansur di jalan raya

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**






**KITA sebagai pengguna jalan raya hendaklah mematuhi arahan lampu isyarat dan papan tanda di jalan raya, mengurangkan had laju, memakai tali pinggang keselamatan (keledar) dan sentiasa menumpukan perhatian ketika memandu kenderaan di jalan raya (atas dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Februari. - Sebagai langkah keselamatan, orang ramai diseru supaya berwaspada dan mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang di jalan raya.

Bahkan, orang ramai disarankan untuk menggunakan jalan raya dengan cara berhemah demi menggelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.

Amalan berhemah ini adalah penting bagi setiap pengguna jalan raya dalam membentuk diri mereka untuk memandu kenderaan masing-masing dengan bijak dan selamat.

Justeru, salah seorang pengguna jalan raya, Awang Bahrin bin Sulaiman, ketika ditemui di letak kereta di sekitar ibu negara, petang tadi juga menekankan agar para pengguna jalan raya untuk sama-sama menjaga keselamatan di jalan raya serta menanamkan sifat sabar dan bertolak ansur.

"Bagi saya, apa yang penting, kita hendaklah sama-sama mengamalkan langkah-langkah keselamatan dalam memastikan tiada kecuaian berlaku dan menggelakkan sebarang kemalangan.

"Kita juga hendaklah sentiasa memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala sebelum memulakan perjalanan agar kita sentiasa dirahmati dan dilindungi serta memastikan tayar kenderaan dalam keadaan baik (berbunga)" ujar beliau lagi.

Maka, kita sebagai pengguna jalan raya hendaklah mematuhi arahan lampu isyarat dan papan tanda di jalan raya, mengurangkan had laju, memakai tali pinggang keselamatan (keledar) dan sentiasa menumpukan perhatian ketika memandu kenderaan di jalan raya.

Bukan itu sahaja, apabila kita berada di kawasan sekolah atau di kampung-kampung, hendaklah kita memperlahankan kenderaan masing-masing demi menjaga keselamatan anak-anak sekolah dan orang-orang kampung.

Bahkan, kita juga hendaklah memandu cara berhemah dalam menjaga keselamatan pejalan kaki atau para penunggang basikal atau motosikal.

Oleh yang demikian, kita hendaklah sama-sama mengamalkan langkah-langkah keselamatan ini selain memberikan kesedaran terhadap orang ramai dalam menyelamatkan nyawa dari berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini.

Sama-samalah kita berdoa agar para pengguna jalan raya sentiasa beretika dan berhemah di jalan raya demi menjaga nyawa orang-orang yang tersayang dan orang-orang di sekeliling.

# CEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN, BERSAMA MEMACU EKONOMI NEGARA





USAHAWAN merupakan golongan yang penting dan diterima oleh masyarakat dan negara (atas dan atas kiri).

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Februari. - Bidang keusahawanan adalah sangat penting dan perlu diberi perhatian kerana ia bertindak sebagai pemangkin kepada ekonomi negara.

Usahawan merupakan golongan yang penting dan diterima oleh masyarakat dan negara.

Para belia di negara ini juga sering menghadapi cabaran dan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan tetap baik di sektor kerajaan mahupun sektor swasta walaupun mempunyai ijazah kelulusan seperti Diploma, Sarjana Muda dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, itu bukanlah alasan untuk tidak membuat perubahan dalam laluan kerjaya untuk menjadi seorang usahawan.

Pihak kerajaan turut menyarankan agar masyarakat menjadi usahawan terutamanya para pelajar lepasan universiti kerana ini disebabkan oleh mereka masih muda dan kuat daripada segi fizikal untuk melaksanakan kerja-kerja usahawan.

Dengan mengikuti kursus-kursus keusahawanan yang dianjurkan, ia benar-benar membuka minda mereka untuk menceburi bidang keusahawanan dan dijadikan sumber pendapatan dan mata pencarian rezeki.

Alternatif bekerjasama dan berkolaborasi dengan pelbagai usahawan dan perniagaan tempatan yang lain juga memainkan peranan yang penting dalam mempromosi produk-produk yang ingin diperkenalkan.

Selain itu, galakan dan dorongan perlu diberikan kepada golongan usahawan belia dalam merancang strategi pemasaran yang lebih baik serta memastikan perniagaan mereka mempunyai matlamat yang jelas.

Tidak dinafikan juga, promosi mulut ke mulut merupakan strategi pemasaran yang sangat berkesan terutama di negara ini dan ia juga secara tidak langsung membantu meningkatkan ekonomi serta isi pendapatan harian.

Pendedahan awal dan penglibatan keluarga dalam bidang keusahawanan mempengaruhi kecenderungan anak-anak mereka menjadi seorang usahawan.

Anak-anak meniru cara ibu bapa mereka berniaga dan menjadikannya sebagai model peranan untuk menjalankan perniagaan dan faktor ini mempengaruhi kejayaan perniagaan dalam kalangan usahawan kerana anak-anak biasanya akan mewarisi pekerjaan ibu bapa mereka.

Secara kesimpulannya, penglibatan mahasiswa atau pelajar di dalam bidang keusahawanan akan memajukan negara sejurus dengan Wawasan Brunei 2035.

# 660 karton rokok berjaya dirampas

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**TEMBURONG**, Sabtu, 10 Februari. – Pegawai dan anggota Special Duty (SD) serta anggota peronda Balai Polis Bangar, Daerah Polis Temburong baru-baru ini telah membuat pemantauan jenayah dari kawasan Pekan Bangar sehingga ke ujung Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) hala dari Temburong ke Bandar Seri Begawan (BSB).

Pada 8 Februari lalu kira-kira jam 4.20 petang, sebuah kereta jenis Mitsubishi Lancer warna putih diarahkan untuk berhenti semasa sekatan Stop and Search namun begitu pemandu tersebut tidak mahu berhenti hingga melanggar dua buah kereta peronda dan sebuah kereta persendirian ahli SD dan memecut melarikan diri.

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 21 Disember 2023.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Muhammad Safwan bin Haji Mazlan**
**No. 24, Simpang 1411,**
**Jalan Sungai Tampoi,**
**Kampung Sengkurong**
**Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Petisyen :
27 September 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
3 Januari 2024

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 Disember 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 21 Mac 2024, jam 10.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 21 Mac 2024, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
3 Januari 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 67 / 2009**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Aliddin bin Haji Ahad / Haji Jumat**
**(00-271184)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 18 Januari 2024.

**Nama dan alamat Bankrap:**
**Aliddin bin Haji Ahad / Haji Jumat**
**No. 121, Simpang 126, STKRJ**
**Kampung Perpindahan Rimba, Gadong, BE3119**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**20 September 2023**

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
24 Januari 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 528 / 2015**

**BIBD AT-Tamwil Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Mohammad Taqiyuddin bin Awang Taha**
**(00-311476)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 13 Januari 2024.

**Nama dan alamat Bankrap:**
**Mohammad Taqiyuddin bin Awang Taha**
**No. 19, Simpang 1185-73-193, RPN Bukit Beruang, Tutong,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**16 November 2023**

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
16 Januari 2024

**Kes No**
**BCY / CP / 371 / 2014**

**Baiduri Finance Berhad (Formerly known as HSBC Finance (B) Berhad)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Kilat Anak Suring**
**(30-103595 / Warrant Card 5499)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 5 Disember 2015 telah dibatalkan pada 23 Disember 2023.

**Nama Penghutang :**
**Kilat Anak Suring**

**Alamat Penghutang :**
**No. 7-234, Kg Simbatang, Jalan Temada, Temburong, Negara Brunei Darussalam**

Bertarikh :
26 Disember 2023

**Muhd Muzakkir bin Haji Zakaria**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

# IMBASAN MINGGUAN



CHRISTIAN Benjamin David, berbangsa Kaukasia melafazkan Dua Kalimah Syahadah pada Majlis Pengislaman yang berlangsung di Kampung Manggis Dua, Berakas. - Foto : Azmah Haji Ahad.



ANTARA yang hadir pada Majlis Takreem Al-Quran sempena Tamat Kursus khusus bagi para Pelatih Program Pembangunan Belia Sesi 2023 yang akan menamatkan kursus di Pusat Pembangunan Belia (PPB) penghujung bulan Februari 2024 ini. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



PENGUNJUNG ketika berinteraksi dengan salah seorang penjaga *booth* pada Ekspo Pengajian Tinggi (EPT) Ke-9. - Foto : Azmah Haji Ahad.



SEBAHAGIAN daripada mereka yang terlibat dalam Kempen Kebersihan Bersepadu yang dikendalikan oleh Jabatan Daerah Tutong. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



SUASANA Walkaton sempena World Cancer Day 2024 (WCD2024) yang berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.


جوالن سالينن ݢمبر٢ ديݢيتل
JUALAN SALINAN
GAMBAR-GAMBAR DIGITAL
HARGA JUALAN
Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).
TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN
Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.
JENIS-JENIS
Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.
IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN
JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, BB3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242
GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI: KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH, BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN
WAKTU PERNIAGAAN
Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi
InfoDeptBN
Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn



# Pesakit Skoliosis menerima perkhidmatan berkualiti tinggi

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**
**Foto : Ihsan Pusat Pakar Pantai Jerudong**

TULANG belakang setiap orang mempunyai lengkung semula jadi. Lengkung ini mengelilingi bahu kita dan menjadikan lengkung bahagian bawah belakang sedikit ke dalam. Apabila dilihat dari sisi, punggung atas mempunyai bulatan biasa atau *kyphosis*, manakala pada tulang belakang bahagian bawah terdapat *swayback*, atau *lordosis*. Apabila dilihat dari belakang, tulang belakang biasanya kelihatan lurus tetapi sesetengah orang mempunyai tulang belakang yang juga melengkung dari sisi ke sisi dan berputar.

Keadaan kelengkungan tulang belakang sebelah ke sisi adalah dipanggil Skoliosis.

Tidak seperti postur yang lemah, lengkung ini tidak boleh diperbetulkan hanya dengan belajar untuk berdiri tegak. Jika dilihat pada X-ray, tulang belakang seseorang yang menghidap Skoliosis kelihatan lebih seperti 'S' atau 'C' daripada garis lurus.

Pada zaman kanak-kanak, Skoliosis Idiopatik berlaku pada kanak-kanak perempuan dan lelaki. Walau bagaimanapun, apabila kanak-kanak memasuki usia remaja, kanak-kanak perempuan adalah lima hingga lapan kali lebih berkemungkinan mengalami saiz lengkung mereka meningkat dan memerlukan rawatan.

**Minggu Skoliosis**

Dalam pada itu ke arah memupuk kesedaran dan pemahaman mengenai Skoliosis dalam masyarakat di negara ini, Pusat Pakar Pantai Jerudong (Pantai Jerudong Specialist Centre - PJSC) mengadakan Minggu Skoliosis 2024, yang telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah PJSC Brunei. Ketika berucap pada majlis yang telah berlangsung pada 22 hari bulan Januari 2024 itu, Yang Berhormat menyatakan bahawa penyelidikan terhadap 'Adolescent Idiopathic Scoliosis' di Negara Brunei Darussalam menunjukkan bahawa kira-kira 47 kes baharu bagi setiap 100,000 populasi remaja, dikenal pasti setiap tahun dan keadaan ini hampir empat kali lebih kerap berlaku pada kanak-kanak perempuan berbanding lelaki. Majoriti pesakit, jelas Yang Berhormat lagi tidak melaporkan sebarang gejala semasa pembentangan dan kebanyakannya tidak memerlukan pembedahan.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat lagi, mereka juga mendapati kualiti hidup dan imej diri berkaitan kesihatan adalah lebih rendah dalam kalangan remaja tempatan dengan Skoliosis Idiopatik yang tidak dirawat, khususnya mereka yang mengalami Skoliosis sederhana dan teruk, berbanding mereka yang tidak terjejas. Oleh itu, menurut Yang Berhormat, penjagaan terhadap aspek psikososial pesakit Skoliosis adalah sama pentingnya untuk kesejahteraan mereka.

Selama Minggu Skoliosis 2024, para peserta yang terdiri daripada pengamal-pengamal klinikal berpeluang memerhati bengkel spesimen anatomi dan memahami peralatan dan kemahiran di sebalik pembedahan Skoliosis. Selain menumpukan pada pendidikan perubatan, para peserta bengkel juga berpeluang menyaksikan pembedahan secara langsung bagi para doktor.

**Program Skoliosis**

Dalam pada itu Jabatan Neurosurgeri, PJSC telah menubuhkan Program Skoliosis dengan matlamat utama untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada penghidap Skoliosis di negara ini. Di bawah bimbingan pakar bedah tulang belakang yang terkenal pada peringkat antarabangsa iaitu Dr. Wong Chung Chek, program tersebut terus berkembang dengan menyediakan pembedahan kepada pesakit secara *ad-hoc,* lawatan pakar bedah serta pembedahan Skoliosis yang dilakukan oleh pasukan Skoliosis tempatan sendiri. Perkhidmatan seperti pemantauan saraf intraoperatif, pengurusan pesakit luar, fisioterapi dan keupayaan radiologi yang memenuhi keperluan Skoliosis, serta ahli akademik, juga telah mencapai kemajuan dan sumbangan yang ketara ke arah kejayaan program.

**Pembedahan Skoliosis**

Pesakit-pesakit Skoliosis yang mempunyai sudut Cobb lebih daripada 45 darjah biasanya menjalani pembedahan. Sejak Mac 2019, sebanyak 85 kes Skoliosis Idiopatik telah berjaya dilakukan di PJSC dengan pembetulan Skoliosis yang optimum tanpa sebarang komplikasi kekal. Pesakit ditahan secara purata tiga hingga empat hari selepas pembedahan dan ada juga yang pulang ke rumah seawal dua hari selepas pembedahan. Ibu bapa dan pesakit Skoliosis yang menerima rawatan di PJSC sangat berpuas hati terhadap pengurusan di mana kesemua pesakit kembali melakukan aktiviti penuh termasuk sukan, yang biasanya berlaku enam hingga 12 bulan selepas pembedahan. Semua itu menunjukkan bukti kerja baik yang boleh dicapai dengan pendekatan holistik berasaskan pasukan, pelbagai disiplin terhadap penjagaan pesakit Skoliosis.






# UBD capai Matlamat Pembangunan Mampan

**SIRI PERTAMA**

**Terjemahan oleh : Norliah Md. Zain**
**Sumber : Siaran Akhbar Universiti Brunei Darussalam**
**Foto : Jabatan Penerangan, Universiti Brunei Darussalam**

**SEBAGAI** penyokong teguh Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDGs), Universiti Brunei Darussalam (UBD) membuat pendekatan pelbagai penjuru kemampanan merentasi semua aspek operasi dan prinsip utama universiti.

Selaku institusi terulung, UBD bersedia untuk menjadi pemacu utama pembangunan mampan di Negara Brunei Darussalam. Visinya adalah jelas iaitu untuk memupuk ekosistem holistik, mampan yang merentasi sempadan kampusnya, mempengaruhi komuniti yang lebih luas dan menyumbang kepada daya tahan global.

Dari segi pendidikan, UBD menggabungkan prinsip kemampanan dalam pendidikan, kerana ia penting untuk membentuk masyarakat yang lebih prihatin terhadap alam sekitar dan bertanggungjawab. Oleh itu, salah satu prinsip utama kurikulum GenNEXT UBD ialah kesedaran alam sekitar. UBD percaya semua pelajar perlu dimaklumkan tentang ancaman kritikal yang dihadapi oleh persekitaran semula jadi, terutama disebabkan oleh aktiviti manusia. Secara lebih khusus, ia cuba menerapkan prinsip kemampanan dengan memperkenalkan pelbagai modul yang berkaitan dengan perubahan iklim, biodiversiti, aspek alam sekitar sains bumi dan kos serta faedah sosioekonomi.

Penyelidikan berfungsi sebagai tunjang perjalanan UBD ke arah kemampanan, yang merangkumi komitmennya untuk menjadi institusi terkemuka yang mempengaruhi alam sekitar, masyarakat dan ekonomi secara positif. Status semasa UBD mencerminkan asas yang kukuh untuk pertumbuhan masa depan dalam penyelidikan kemampanan. Pada masa ini, dua kumpulan penyelidikan iaitu 'Ekosistem Marin dan Perubahan Iklim' dan 'Kemampanan', mengesahkan komitmen universiti bukan sahaja untuk memahami dan mengurangkan kesan perubahan iklim ke atas persekitaran marin tetapi juga kesan kemampanan yang meluas ke atas kehidupan seharian kita serta kaitannya dengan masalah dunia sebenar. Selain itu, banyak geran penyelidikan yang berkaitan dengan perubahan iklim dan pemuliharaan biodiversiti mempamerkan penglibatan aktif UBD dengan isu alam sekitar yang mendesak.

Sepanjang lima tahun yang lalu, kira-kira 90 peratus geran penyelidikan aktif, kebanyakannya pelbagai disiplin, telah merangkumi spektrum isu kemampanan yang luas. Ini termasuk perubahan iklim, penuaan dan kebajikan, pengangguran, tenaga hijau dan mampan, pengeluaran hidrogen hijau, penukaran biojisim, tenaga suria, tangkapan $CO_2$, penggunaan dan penyimpanan, rawatan air, perubatan ketepatan dan genomik.

Sambil ia mengemudi landskap penyelidikan kemampanan yang berkembang, UBD kekal berdedikasi untuk memupuk inisiatif kolaboratif, inovatif dan berkesan. Matlamat, strategi dan tindakan khusus membimbing inisiatif penyelidikan UBD, menyediakan peta jalan untuk kepimpinan berterusan universiti dalam penyelidikan dan pendidikan mampan.

Pada membayangkan masa depan yang mampan, UBD mengiktiraf kesan infrastruktur fizikalnya terhadap pemuliharaan alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat. Aspirasi UBD adalah untuk mengurangkan risiko perubahan iklim dan mengurangkan jejak karbonnya, memupuk kampus yang mengutamakan kelestarian alam sekitar melalui amalan mesra alam. Tumpuan kepada visi UBD ialah penggunaan piawaian bangunan hijau dan pensijilan untuk pembinaan baharu dan pengubahsuaian besar. Universiti komited untuk mereka bentuk bangunan cekap tenaga, menggunakan bahan mampan, dan menggabungkan sumber tenaga yang boleh diperbaharui. Bangunan UBD ketika ini sudah pun menggabungkan ciri penjimatan tenaga, seperti lampu LED, pengurangan penggunaan elektrik dipacu sensor dan penggunaan tenaga suria untuk menjana kuasa kawasan tertentu.

Aspek penting bagi infrastruktur mampan ialah landskap. Selain dari segi estetika, ia memainkan peranan penting dalam pemuliharaan alam sekitar. Dengan menggabungkan tumbuhan asli, mewujudkan habitat hidupan liar, dan melaksanakan amalan landskap mampan, UBD bertujuan untuk melindungi kepelbagaian biologi, memulihkan ekosistem semula jadi dan menyumbang kepada keseimbangan alam sekitar keseluruhan. Pusat Penyelidikan Botani (BRC) UBD mencontohi komitmen ini, berfungsi sebagai hab untuk penyelidikan pelbagai disiplin mengenai tumbuhan asli (kini memupuk lebih daripada 200 spesies tempatan), nilai perubatan mereka, dan pemuliharaan alam sekitar.

**Bersambung ...**



PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# 52 NEGARA AKAN BUAT KENYATAAN DI ICJ BERHUBUNG JENAYAH OLEH ISRAEL

**ISTANBUL,** 10 Feb. - Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengumumkan bahawa 52 negara, termasuk Turkiye dan tiga organisasi antarabangsa, akan membuat kenyataan masing-masing akan kesan undang-undang terhadap jenayah yang dilakukan oleh Israel di wilayah Palestin yang diduduki, termasuk al-Quds.

Media Turkiye memetik kenyataan oleh ICJ pada Sabtu yang mengesahkan bahawa agensi badan dunia itu akan mengadakan pendengaran awam dalam tempoh antara 19 dan 26 Februari untuk tujuan itu, lapor Agensi Berita Iraq (NINA).

Menurut ICJ, 52 negara termasuk Turkiye, Liga Negara Arab, Pertubuhan Kerjasama Islam dan Kesatuan Afrika, akan membuat kenyataan mereka semasa sesi itu, bermula dengan kenyataan Palestin pada 19 Februari dan berakhir dengan Kenyataan Maldives pada 26 Februari.

Bulan lepas, ICJ mengumumkan keputusan awalnya bagi kes yang dibawa oleh Afrika Selatan dalam rangka Konvensyen Genosid 1948.

Walaupun keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa menggesa agar serangan terhadap Palestin dihentikan, Israel masih meneruskan serangannya ke atas Semenanjung Gaza, tanpa mengambil langkah untuk menamatkan tragedi kemanusiaan. - ©BERNAMA

## Polis tumpas sindiket dadah bernilai lebih RM43,000, empat ditahan

**HULU SELANGOR,** 10 Feb. - Polis menumpaskan sindiket pengedaran dadah yang aktif di sekitar Hulu Selangor selepas menahan empat lelaki dan merampas 15.28 kilogram (kg) ganja di Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa pada Khamis lepas.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor Supt Ahmad Faizal Tahrim berkata sebahagian besar ganja yang ditemukan dibungkus seperti potongan lemang dengan nilai dianggarkan berjumlah RM43,710.

Beliau berkata tangkapan pertama melibatkan suspek berumur 36 tahun di dalam sebuah kereta Proton Persona yang diletakkan di sebuah apartmen di Bukit Beruntung dan merampas kira-kira 14 kg ganja di dalam kenderaan terbabit.

"Penahanan lelaki itu membawa kepada tangkapan tiga lagi lelaki termasuk seorang warga asing berumur lingkungan 23 hingga 61 tahun berhampiran sebuah restoran di Bukit Sentosa serta menjumpai 3 gram ganja pada seorang daripada suspek.

"Seorang suspek kemudiannya membawa polis ke sebuah stor di sebuah apartmen di Bukit Beruntung dan merampas kira-kira mampat daun kering disyaki dadah jenis ganja dengan berat 1.28 kg. Polis turut merampas sepucuk pistol angin berserta satu kelopak peluru," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Selangor di sini hari ini.

Ahmad Faizal berkata selain wang tunai, masing-masing sebuah kereta, pacuan empat roda dan motosikal turut disita dalam operasi itu.

Saringan awal air kencing mendapati seorang daripada suspek positif dadah dan kesemuanya direman tujuh hari hingga 15 Feb dan kes disiasat di bawah Seksyen 39B, Seksyen 6 dan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. - ©BERNAMA

## Tukang kebun jumpa bom mortar

**JASIN**, 10 Feb. - Sebutir bom mortar berkarat berukuran 60 milimeter ditemukan di belakang sebuah rumah di Kampung Tersusun dekat Serkam Darat di sini hari ini.

Ketua Polis Daerah Jasin, DSP Ahmad Jamil Radzi berkata bahan letupan jenis Unexploded Ordnance (UXO) itu ditemukan seorang tukang kebun kira-kira 9.00 pagi tadi.

"UXO berkenaan ditemukan tukang kebun itu ketika mengemas rumah seorang anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Jasin. Selepas dimaklumkan isterinya, anggota APM itu yang sedang bertugas balik ke rumah untuk membuat pengesahan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata anggota APM berkenaan kemudian membuat laporan di Balai Polis Merlimau kira-kira 10.30 pagi sebelum sepasukan anggota Unit Pemusnah Bom Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka ke lokasi penemuan pada 11.45 pagi.

Bahan letupan terbabit, katanya diperiksa dan dibawa ke Pejabat Persenjataan IPK Melaka untuk dimusnahkan. - ©BERNAMA

## Sudan : 700,000 kanak-kanak diancam kekurangan zat makanan

**AMMAN,** 10 Feb. - Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) memberi amaran bahawa puluhan ribu kanak-kanak Sudan mungkin terkorban akibat kekurangan zat makanan.

Kekurangan zat makanan yang semakin mendesak pada tahun ini telah menjejaskan sekurang-kurangnya 700,000 kanak-kanak.

"Kesan daripada 300 hari (konflik), mendedahkan lebih 700,000 kanak-kanak kepada kemungkinan mengalami kekurangan zat makanan yang boleh menyebabkan kematian pada tahun ini.

"UNICEF tidak dapat merawat lebih daripada 300,000 mangsa tanpa akses yang lebih baik serta sokongan tambahan," kata jurucakap UNICEF James Elder pada sidang akhbar di Geneva pada Jumaat, lapor Agensi Berita Jordan (Petra). - ©BERNAMA

## Pendidikan setengah juta kanak-kanak Gaza terjejas - PBB

**AMMAN,** 10 Feb. - Pesuruhjaya Agensi Kerja dan Bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian Palestin (UNRWA) Philippe Lazzarini berkata lebih setengah juta kanak-kanak di Gaza tidak dapat mengikuti sistem sekolah rendah dan menengah.

"Kanak-kanak (di wilayah) itu dinafikan zaman kanak-kanak mereka.

"Kematian kanak-kanak di Gaza sangat tragis, masa depan kanak-kanak itu terancam," katanya dalam satu kenyataan, lapor Agensi Berita Jordan Petra. - ©BERNAMA

## APMM tahan 11 warga Thailand tangkap siput buluh di perairan Perlis

**KUALA PERLIS**, 10 Feb. - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan 11 warga Thailand yang disyaki melakukan aktiviti menangkap siput buluh di kedudukan 1.2 batu nautika dari barat muara Sungai Baru, semalam.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata kesemua mereka terdiri daripada tiga tekong dan lapan awak-awak berusia antara 18 hingga 42 tahun.

"Bot ronda Zon Maritim Kuala Perlis iaitu Perkasa 1227 yang sedang melakukan rondaan Op Aman dan Op Tiris 3.0 di sekitar perairan Perlis telah menghampiri tiga bot dan mendapati bot-bot berkenaan dalam keadaan mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan mendapati, ketiga-tiga bot terbabit yang berpangkalan di negara jiran... ketika ditahan mereka disyaki sedang melakukan aktiviti menangkap siput buluh dalam keadaan gelap," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Katanya, terdapat beberapa awak-awak yang telah bertindak terjun ke laut dan cuba melarikan diri namun situasi cemas tersebut dapat dikawal anggota APMM.

Menurutnya ketiga-tiga bot dianggar bernilai RM40,000 bersama 11 warga Thailand yang ditahan dibawa ke Jeti Operasi Zon Maritim Kuala Perlis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.

"Kes akan disiasat di bawah Seksyen 15(1)(a), Akta Perikanan 1985 dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Hashim berkata APMM meminta kerjasama orang ramai supaya segera melaporkan sebarang kes penyeludupan dan jenayah maritim yang berlaku di perairan negeri ini.

Katanya, sebarang laporan, aduan dan kecemasan di laut boleh disalurkan dengan menghubungi Pusat Operasi Zon Maritim Kuala Perlis di talian 04-9851072 atau 04-9851162 serta talian MERS 999. - ©BERNAMA

## Zelensky lobi lebih banyak bantuan daripada AS dalam pertemuan dengan ahli perwakilan rakyat

**KYIV**, 10 Feb. - Presiden Ukraine Volodymyr Zelensky meminta bantuan bernilai berbilion-bilion lagi daripada Amerika Syarikat (AS) bagi mempertingkatkan keupayaan pertahanan Kyiv, pada pertemuan dengan ahli dewan perwakilan dari Washington, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

"Saya yakin Kongres akan membuat keputusan untuk menyokong Ukraine dengan menyalurkan bantuan yang diperlukan. Ini akan mengukuhkan pertahanan kami," kata Zelensky di Kyiv pada petang Jumaat.

Beliau menyiarkan video perbualan dengan ahli Dewan Perwakilan AS di rangkaian sosial X. Dewan itu telah menahan bantuan, dengan bekas presiden Donald Trump memberitahu Republikan bahawa beliau tidak mahu mereka meluluskannya kerana prosedurnya terikat dengan undang-undang imigresen AS.

"Kami tidak boleh membenarkan penularan perang dan kejahatan Rusia," menurut Zelensky.

Beliau membuat kenyataan itu ketika Canselor Jerman Olaf Scholz berada di Washington membincangkan mengenai pembiayaan perang Ukraine dengan Presiden AS Joe Biden.

Ukraine bergantung kepada sekutu, khususnya AS, untuk pembiayaan dan bekalan ketenteraan. Ia mahu meningkatkan sistem pertahanan udaranya dengan sistem Patriot AS dan kerjasama dalam pengeluaran dron moden dan peralatan untuk peperangan elektronik.

Dalam mesej videonya, Zelensky juga bercakap mengenai keperluan senjata jarak jauh "terutama ATACMS dengan jarak 300 km, yang masih belum diputuskan."

Ukraine masih menunggu bekalan peluru berpandu ATACMS daripada pengeluar Lockheed Martin dari Washington.

Kyiv juga mahukan peluru berpandu cruise Taurus Jerman, yang boleh memusnahkan kubu dan markas yang dilindungi sehingga 500 kilometer jauh. Bagaimanapun, wujud kebimbangan bahawa kedua-dua sistem senjata itu juga akan digunakan untuk menyerang sasaran di Rusia.

Senjata jarak jauh itu termasuk peluru berpandu cruise Storm Shadow dan Scalp, yang sudah diterima Kyiv dari United Kingdom dan Perancis. - ©BERNAMA

## Bekas Perdana Menteri Pakistan Imran Khan guna AI dakwa kemenangan dalam pilihan raya

**ISLAMABAD,** 10 Feb. - Bekas Perdana Menteri Pakistan Imran Khan yang kini menjalani hukuman penjara, menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk mengisytiharkan kemenangan dalam pilihan raya umum negara itu pada Jumaat.

Dalam ucapan kemenangan yang dijana AI, Khan memuji orang ramai yang "keluar beramai-ramai untuk mengundi," sambil menyatakan bahawa "gerak balas yang belum pernah terjadi sebelumnya" di negara itu membolehkan kemenangan besar parti Tehreek-e-Insaf (PTI) Pakistan pada pilihan raya umum 2024, lapor Agensi Anadolu.

"Kami sedang mendahului di lebih 170 kerusi Dewan Perwakilan," kata Khan dalam mesej yang disiarkan dalam akaun X beliau.

Beliau mengkritik lawannya, pemimpin Liga Muslim Pakistan-Nawaz (PML-N) Nawaz Sharif yang membuat ucapan kemenangan walaupun ketika partinya ketinggalan berbanding PTI.

Khan yang dipenjarakan sejak Ogos lepas, menggesa orang ramai "meraikan dan mengadakan solat syukur."

"Selepas dua tahun penindasan dan ketidakadilan," Khan mendakwa bahawa PTI memenangi pilihan raya umum 2024 dengan "majoriti dua pertiga."

Nawaz Sharif menggesa penubuhan "kerajaan perpaduan," dengan meminta parti-parti lain menyertainya.

Berjuta-juta rakyat Pakistan mengundi pada Khamis untuk memilih parlimen baharu dan empat dewan wilayah.

Calon bebas yang disokong oleh parti PTI mendahului sementara menunggu keputusan penuh pilihan raya.

Parti bebas yang bergabung dengan PTI, memenangi sekurang-kurangnya 95 kerusi, diikuti oleh PML-N dengan 66 dan Parti Rakyat Pakistan kiri tengah dengan 51.

Keputusan akhir dijangka diketahui dalam tempoh beberapa jam. - ©BERNAMA

# KECERDASAN BUATAN JADI TUMPUAN PADA SIDANG KEMUNCAK DUNIA 2024

BERITA GLOBAL

**DUBAI**, 11 Feb. - Kecerdasan Buatan (AI) akan menjadi fokus perbincangan pada World Government Summit (WGS) pada tahun ini yang berlangsung di Dubai dari 12 hingga 14 Feb.

Menyedari impaknya yang mendalam terhadap pelbagai sektor dan potensinya untuk merevolusikan komuniti global, sidang kemuncak itu yang bertemakan “Shaping Future Governments” bertujuan mendalami bidang inovasi dan tadbir urus AI.

Dengan kehadiran lebih 100 personaliti dan pemimpin syarikat AI terkemuka selain pegawai kerajaan dan pakar industri, perbincangan pada sidang kemuncak itu dijangkakan menjurus mengenai memperkasakan kerajaan untuk mengaplikasikan landskap AI dengan berkesan.

Peserta lain termasuk beberapa pemimpin utama kerajaan, Menteri Komunikasi dan Teknologi Maklumat Mesir Dr Amr Talaat, Setiausaha Perdagangan bagi Harta Intelek Amerika Syarikat (AS) Kathi Vidal, Menteri Komunikasi dan Teknologi Maklumat di Mesir, Ulvi Mehdiyev dan Pengerusi Agensi Perkhidmatan Awam dan Inovasi Sosial Azerbaijan Mohamed Abdallahi Louly.

Turut serta, pemimpin syarikat AI terkemuka seperti Ketua Pegawai Eksekutif Open AI Sam Altman dan Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif NVIDIA Jensen Huang, Ketua Pegawai Eksekutif SandboxAQ Jack Hidary, Ketua Pegawai Eksekutif Beyond Limits AJ Abdallat dan Ketua Pegawai Teknologi di Amazon Werner Vogels yang akan menyumbang pandangan mereka.

Bintang Bollywood Shah Rukh Khan juga akan berada di sini pada 14 Feb untuk sesi temu bual -- kali pertama pelakon itu hadir pada perhimpunan berprestij berkenaan. Khan, tokoh budaya India terkenal, akan merajui perbincangan selama 15 minit mengenai kemunculan dan kemasyhuran serta kekayaannya dalam sesi bertajuk ‘The Making of A Star: A Conversation With Shah Rukh Khan’.

Agenda sidang kemuncak itu menekankan komitmen untuk memperkukuh peranan kerajaan dalam menangani cabaran AI dan memanfaatkan potensinya yang luas. Menampilkan enam tema utama dan 15 forum, edisi WGS 2024 akan meneroka lebih lanjut pelbagai aspek AI daripada tadbir urus yang bertanggungjawab kepada pembangunan pendidikan dan infrastruktur, yang bertujuan untuk memupuk kerjasama antarabangsa dan memacu kemajuan tertumpu AI untuk manfaat semua.

Forum Kecerdasan Buatan yang mempunyai kepentingan tertentu, berperanan sebagai platform untuk menjalin perkongsian pelbagai sektor dan memajukan amalan AI yang bertanggungjawab.

Perbincangan bermatlamat untuk mewujudkan konsensus global mengenai prinsip AI beretika, meningkatkan keupayaan AI melalui inisiatif pendidikan dan infrastruktur serta merumuskan dasar masa depan yang kondusif kepada inovasi dipacu AI.

WGS juga melibatkan lebih 23 mesyuarat menteri dan meja bulat, 85 organisasi antarabangsa, serantau dan antara kerajaan serta lebih daripada 120 sesi dan bengkel interaktif. - ©BERNAMA

# Arca Setia Kawan simbolik kewujudan Sitiawan dirasmikan hari ini

**MANJUNG**, 11 Feb. - Ungkapan Setia Kawan yang sangat ikonik dengan Sitiawan dizahirkan melalui pembinaan sebuah arca sebagai mercu tanda baharu di kawasan itu.

Arca yang diwujudkan bagi memperingati semangat setia kawan dalam kisah sejarah tentang bagaimana pekan Sitiawan mendapat namanya itu telah dirasmikan oleh Menteri Pembangunan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming.

“Arca ‘Setia Kawan’ ini memang unik kerana mempunyai nilai sejarah termasuk kisah teladan iaitu kisah seekor gajah yang tidak mahu meninggalkan seekor gajah lagi yang terperangkap di dalam sungai.

“Apabila air sungai naik gajah itu tidak meninggalkan ‘kawannya’ hingga mengakibatkan kedua-duanya mati, yang kemudiannya sungai itu dinamakan Sungai Gajah Mati dan Kampung Gajah Mati,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Arca Setia Kawan di Pusat Komuniti Warisan Kampung Koh dekat sini, yang turut dihadiri Pegawai Eksekutif Tourism Perak, Nurmalis Musa dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung (MPM), Syamsul Hazeman Md Salleh.

Turut hadir Ahli Parlimen Beruas, Datuk Ngeh Koo Ham, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Astaka, Jason Ng Thien Yeong dan ADUN Pantai Remis, Wong May Ing.

Menurut Nga, selepas Kampung Gajah Mati mendapat musibah, namanya berubah kepada Setia Kawan pada 1886.

“Pada tahun itu wabak cacar menyerang kampung itu hingga mengakibatkan banyak kematian dan segelintir penduduk melalui Ketua Kampung dikenali sebagai Mohd Ali telah menulis surat kepada Residen Perak ketika itu, Sir Hugh Low supaya nama Gajah Mati ditukar kepada Setia Kawan.

“Sejak itu ia dikenali sebagai Setia Kawan dan penduduk kampung memendekkan nama kepada Sitiawan sahaja,” katanya.

Nga berkata MPM telah memperuntukkan RM600,000 di kawasan Kampung Koh bagi memastikan Lorong Budaya Setia Kawan Kampung Koh sebagai tempat tarikan pelancongan di daerah ini.

“Mural dan lampu-lampu yang menghiasi dinding bangunan lama di sini berpotensi menjadi satu lagi tarikan terbaharu buat pengunjung.

“Begitu juga jualan di kedai-kedai yang masih beroperasi di bangunan lama dan dalam tempoh satu tahun ini, bagi memastikan Kampung Koh bersedia menjadi antara tempat untuk dikunjungi menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026,” katanya. - ©BERNAMA

# Kedutaan Arab Saudi mengadakan aktiviti Sempena Hari Harimau Bintang Arab Antarabangsa

**KUALA LUMPUR**, 11 Feb. - Kedutaan Arab Saudi di Malaysia mengadakan aktiviti berjalan pantas atau *brisk walking* beramai-ramai di Taman Botani Perdana di Kuala Lumpur petang Sabtu bersempena Hari Harimau Bintang Arab Antarabangsa. Duta Arab Saudi ke Malaysia Mesaad Ibrahim Abdullah Al Sulaim turut menyertai aktiviti itu.

Beliau memberitahu Bernama, aktiviti itu bertujuan menyebarkan kesedaran tentang isu alam sekitar yang mempengaruhi harimau secara amnya dan khususnya harimau bintang Arab. 10 Februari adalah Hari Harimau Bintang Arab Antarabangsa ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Acara *brisk walking* sejauh tujuh kilometer ini yang bermula pada pukul 3 petang (Sabtu ) disertai pegawai kedutaan Arab Saudi, masyarakat Arab di Malaysia, orang awam serta sekumpulan pelajar dari Sekolah Arab Saudi di Kuala Lumpur.

Setiausaha Duta Arab Saudi ke Malaysia Nisreen Abu Bakr menambah, harimau bintang Arab yang ditemui di Semenanjung Arab semakin pupus dan jarang ditemui lagi dengan jumlah yang masih tinggal dianggarkan kurang daripada 200 ekor.

Beliau menjelaskan, di samping Arab Saudi, harimau bintang Arab dilaporkan turut terdapat di Yaman, Oman dan Emiriah Arab Bersatu, dan Arab Saudi mengambil inisiatif memelihara harimau itu yang kini berada di ambang kepupusan.

“Kami kini dalam peringkat memelihara harimau spesies ini daripada terus pupus, menjaga mereka agar tidak menjadi mangsa kegiatan pemburuan haram,” tambahnya. - ©BERNAMA

# Cuti persekolahan dimanfaatkan untuk program berkhatan beramai-ramai

**KUCHING**, 11 Feb. - Golongan ibu bapa memanfaatkan cuti sempena perayaan Tahun Baharu Cina yang turut jatuh pada musim cuti persekolahan untuk menyertai program berkhatan beramai-ramai untuk anak mereka, di bandar raya ini.

Hari ini, seramai 70 orang kanak-kanak menyertai majlis berkhatan beramai-ramai anak daripada keluarga kurang berkemampuan B40 kawasan Satok secara percuma, anjuran Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Satok.

ADUN Satok, Datuk Ibrahim Baki berkata majlis itu, bertujuan membantu anak-anak B40 yang kurang berkemampuan membiayai kos bersunat dan rawatan selepas bersunat.

“Apabila saya diberitahu ada kanak-kanak yang belum bersunat pada umur 15 tahun, saya pun bertanya dan mendapati mereka sengaja lambatkan proses bersunat, kerana kosnya mencecah RM300… dahulu bersunat ini percuma,” katanya ketika berucap di majlis itu di Dewan Anak Seni Kampung Bandarsah, hari ini.

Ibrahim berkata program tersebut, turut mendapat kerjasama daripada Biro Kebajikan dan Persatuan Penolong Perubatan Cawangan Kuching.

Dalam pada itu, seramai 21 kanak-kanak menyertai majlis Sunathon Perdana Taman Sukma 2024, di Masjid Ikhwanul Islam melibatkan kawasan Samariang.

Program itu dirasmikan Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-undang, Perjanjian Malaysia 1963 dan Hubungan Negeri-Persekutuan), Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali yang juga merupakan ADUN Samariang. - ©BERNAMA

# Hidap kanser : Raja Charles III zahir ucapan terima kasih atas sokongan rakyat

**LONDON**, 11 Feb. - Raja Britain Raja Charles III dalam perutusan sulung baginda selepas disahkan menghidap kanser, menzahirkan ucapan terima kasih kepada rakyat atas ucapan dan ingatan tulus iklas terhadap baginda.

“Sama seperti penghidap kanser yang lain, sesungguhnya sokongan dan dorongan yang diberikan menjadi sumber kekuatan dan galakan yang sungguh bermakna.

“Beta amat berbesar hati apabila mengetahui bahawa perkongsian diagnosis beta telah membantu lebih ramai rakyat untuk lebih memahami mengenai penyakit ini, selain mengetengahkan usaha organisasi yang menyokong pesakit kanser dan keluarga mereka di seluruh UK dan dunia secara menyeluruh,” titah baginda dalam perutusan itu.

Baru-baru ini Istana Buckingham dalam satu kenyataan memaklumkan Raja Charles III disahkan menghidap kanser. Baginda menaiki takhta selepas kemangkatan bonda baginda Ratu Elizabeth II pada 8 Sept 2022. - ©BERNAMA

# Pemilihan Presiden Finland saksikan pertembungan antara Stubb dan Haavisto

**HELSINKI**, 11 Feb. - Bekas perdana menteri Alexander Stubb dan bekas menteri luar Pekka Haavisto akan bersaing dalam pilihan raya penentu pada Ahad bagi menentukan siapa yang akan menjadi Presiden Finland, selepas tiada calon memperoleh undi yang mencukupi pada pusingan pertama.

Pusingan pertama telah diadakan pada dua minggu lepas, lapor Agensi Berita Jerman (dpa). Pusat mengundi akan dibuka dari 9 pagi hingga 8 malam waktu tempatan (0800-1900 GMT) dengan keputusan awal dijangka diketahui pada petang Ahad. Stubb, seorang konservatif dan Haavisto dari Greens memperoleh undi terbanyak daripada sembilan calon pada pusingan pertama.

Calon presiden yang bakal dipilih akan memulakan tugas pada awal Mac bagi menggantikan Presiden Sauli Niinisto yang telah tamat dua penggal selama enam tahun dan tidak dibenarkan untuk bertanding semula. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# EKSPEDISI BERBASIKAL CERMIN SEMANGAT KESUKANAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyertai Ekspedisi Santai Berbasikal 2024 di bawah Program Happy Environment and Lifestyle (HEAL) bertempat di kawasan letak kereta, Bukit Riadah RPN Kampung Panchor (kiri). Manakala gambar kanan, ekspedisi berkenaan disambut meriah oleh orang ramai.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**MENGKUBAU**, Ahad, 11 Februari. - Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pusat Perubatan Gleneagles Jerudong Park (GJPMC) Sdn. Bhd. dan Majlis Perundingan Kampung (MPK), Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor selaku duta kegiatan fizikal mengadakan Acara Ekspedisi Santai Berbasikal 2024 di bawah Program Happy Environment and Lifestyle (HEAL) bertempat di kawasan letak kereta, Bukit Riadah RPN Kampung Panchor, hari ini.

Hadir menyertai Ekspedisi Santai Berbasikal 2024 tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman. Ekspedisi Berbasikal sejauh 20km tersebut bermula dan berakhir di tempat letak kereta Bukit Riadah RPN Kampung Panchor.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua Biro Keagamaan MPK Kampung Panchor Kawasan 1 dan 3, Awang Ramzi bin Haji Mohiddin, diikuti dengan ucapan kata-kata aluan daripada Pemangku Ketua Kampung RPN Kampung Panchor Kawasan 1 dan 3, Awang Mohammad Hilmy bin Haji Ahmad juga selaku Pengerusi Ekspedisi tersebut.

Seterusnya, sesi senaman pemanasan badan diikuti dengan acara pelepasan peserta ekspedisi hingga ke garisan penamat. Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah bertuah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ekspedisi ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tanpa mengira usia, mengenai amalan gaya hidup sihat dari dua sudut aspek yang berbeza iaitu dari segi pemakanan dan kegiatan fizikal.

Selain itu juga ia adalah sebagai salah satu landasan bagi mengeratkan silaturahim di antara ahli jawatankuasa dan penduduk kampung tersebut dalam sama-sama mengungkayahkan aktiviti-aktiviti kesihatan bagi melahirkan masyarakat yang sihat, cergas, sejahtera dan bebas daripada penyakit.

Dengan adanya aktiviti atau program seperti ini, Kementerian Kesihatan berharap agar orang awam akan dapat membantu pihak PPK dan pihak yang berkepentingan dalam sama-sama menangani isu-isu yang berkaitan dengan penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti obesiti, penyakit jantung, kanser dan sebagainya, dengan mempromosikan amalan gaya hidup yang sihat kepada semua peringkat umur.

Ia juga diharapkan agar dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman orang awam mengenai kepentingan menjaga kesihatan diri sendiri dan juga masyarakat sekeliling. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Zon 2, 3, dan 5, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.

# 6 atlet Badminton Kebangsaan sertai BATC

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 11 Februari. - Seramai enam atlet Badminton Kebangsaan berlepas ke Kuala Lumpur bagi menyertai Badminton Asia Team Championships (BATC) yang akan berlangsung dari 13 hingga 18 Februari 2024 di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam, Selangor.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Timbalan Presiden Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD), Awang Abdulhani bin Haji Raman.

Pasukan Negara Brunei Darussalam terdiri daripada Kan Kah Kit; Mohd. Iqbal Asyraf bin Mohamad; Mohd. Marhanif bin Mohd. Ali; Mattew Lingie Minggat dan Mohd. Haziq bin Roze ditemani seorang Jurulatih merangkap Pengurus, Mohd. Dzakwan Saifullah Sia berada dalam Group 'B' bersama pasukan tuan rumah, Malaysia; Chinese Taipei dan Kazakhstan.

PBKBD menghargai sokongan dan tajaan dari Chung Hwa School Kiudang (CHSK); BR-Kelvin Pong; Syarikat Jotech Advertising and Souvenir; Syarikat Lucky Charm Sdn. Bhd dan Kim Cars Sdn. Bhd. yang membolehkan pasukan negara menyertai kejohanan terbesar di Asia ini.

BATC ialah salah satu acara Badminton terbesar di bawah Badminton Asia, iaitu badan induk Badminton di Asia. Ia merupakan kejohanan dwitahunan yang diadakan pada bulan Februari di dalam Kalendar Antarabangsa Persekutuan Badminton Dunia (BWF).

BATC edisi tahun ini bakal mempamerkan pemain Badminton terbaik di Asia kerana ia berfungsi sebagai kelayakan Asia untuk Piala Thomas & Uber 2024 yang dijadualkan berlangsung pada Mei 2024 di Chengdu, China.

Memandangkan 2024 juga merupakan tahun Olimpik, kejohanan ini akan menjadi kejohanan *ranking* untuk pemain yang mengambil bahagian dari negara Asia, sekali gus memberi peluang kepada pemain terbaik dunia mewakili negara masing-masing dalam kejohanan berprestij ini.

**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam**



ATLET Badminton Kebangsaan bergambar ramai sebelum berlepas ke Kuala Lumpur bagi menyertai Badminton Asia Team Championships (BATC).